


## **GARIS PANDUAN KARNIVAL DAN HIBURAN YANG DIBENARKAN DALAM ISLAM**

### **MUQADDIMAH**

Antara matlamat utama manusia ini dicipta oleh Allah SWT adalah untuk mengabdikan diri kepada Nya seperti yang firmankan oleh Allah dalam surah Az Zariyyat ayat 56 yang bermaksud :



*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”*

Pengabdian diri kepada Allah s.w.t dapat dirumuskan dengan melaksanakan aktiviti yang boleh merapatkan diri kepada Nya menerusi perkara yang berfaedah dan diharuskan menurut Syara'. Maka menjadi tanggungjawab kita untuk menjadikan setiap aktiviti kita termasuk berkarnival, beriadah, berhibur dan seumpamanya sentiasa berada di dalam ruang lingkup beribadah kepada Allah SWT.

### **TUJUAN**

Tujuan garis panduan ini disediakan adalah untuk memberi panduan kepada para pengajur agar program yang akan dirancang tidak menyalahi Syara' dan tersasar dari tujuan sebenar penciptaan manusia agar beribadah kepada Allah SWT.

### **ISLAM DAN PERNIAGAAN**

Islam dan perniagaan mempunyai kaitan yang rapat dan sentiasa saling menyaling antara satu sama lain. Kaitan keduanya bermula sejak penubuhan Negara Islam Madinah di mana Rasulullah s.a.w. mengajar para sahabatnya adab dan etika Islam dalam perniagaan. Oleh yang demikian, beberapa perkara asas yang perlu diteliti berdasarkan garis panduan berikut :

### **GARIS PANDUAN MENGADAKAN PROMOSI DAN JUALAN PRODUK DALAM ISLAM**

1. Sebarang bentuk promosi dan perniagaan hendaklah tidak berdasarkan kepada pemakaian kepada pengunjung dan pembeli untuk menerima dan membeli. Ianya memerlukan kepada konsep reda meradai antara penjual dan pembeli.

Firman Allah S.W.T. :

يَتَأْكِلُهُ الَّذِينَ عَامَلُوا لَقَاءً كُلُّاً أَمْ وَلَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ  
إِلَّا أَن تَكُونَ تِجَارَةً عَن تَرَاضٍ مِنْكُمْ

Surah An-Nisa':29

Mafhumnya : "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu makan harta dikalangan kamu dengan cara batil, melainkan dengan cara perniagaan yang reda meredai antara kamu".

**ويقول الرسول صلى الله عليه وسلم «إنما البيع عن تراض».**

Yang bermaksud : " Sesungguhnya jual beli atas reda meradai".

2. Hendaklah penjual memberi informasi lengkap tentang barang yang diniagakan supaya pembeli mendapat maklumat menyeluruh tentang barang tersebut termasuk harga, kualiti dan sebagainya sehingga tidak memungkinkan berlaku penindasan. Nabi S.A.W. bersabda :

**«التاجر الصادق الأمين مع النبئين والصديقين والشهداء يوم القيمة».**

Bermaksud : " Penjual yang jujur lagi beramanah bersama para nabi, siddiqin dan syuhadah di hari kiamat"

3. Wujud kemanfaatan bersama antara kedua pihak penjual dan pembeli. Penjual perolehi manfaat hasil jualan disamping pembeli mendapat manfaat daripada barang yang telah dibeli.

4. Pengajur hendaklah memastikan para promoter atau penjual memperniagakan barang yang halal, bersih dan benar-benar wujud disamping perlaksanaan jual beli dapat dilakukan. Bukan sekadar hanya mempromosikan barang tertentu, namun gagal menyerah milikkan kepada pembeli tersebut setelah bayaran pendahuluan telah dijelaskan.

5. Mengelakkan sama sekali jualan yang berorientasikan gharar (tipudaya), menindas dan ditegah oleh Syara'. Seperti mempromosikan sesuatu bertujuan menggalakkan pengunjung melabur pada barang yang tiada dalam milikan.

6. Hendaklah dipastikan pembeli dan pengguna tidak dizalimi dengan tawaran jualan hutang yang berkonseptan riba, menjual barang yang kecacatannya disorok atau sebaliknya yang bercanggah dengan etika perniagaan dalam Islam. Firman Allah S.W.T. :

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

Surah Al-Baqarah: 275

Bermaksud : " Allah S.W.T. menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba"

7. Hendaklah tidak menawarkan barang dan jualan melalui perjudian dan pertaruhan ataupun jualan lelong dengan menggunakan khidmat pembeli palsu yang telah dibayar oleh penjual. Firman Allah S.W.T.

يَتَأْكُلُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ

عَمَلِ الشَّيْطَنِ فَاجْتَنَبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Surah Al-Maidah: 90

Mafhumnya : " Wahai orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, tenung nasib .....adalah perkara keji daripada pekerjaan syaitan maka jauhilah mudah mudahan kamu perolehi kejayaan"

8. Pengajur hendaklah menyeru manusia kepada mengerjakan solat dengan mengalunkan azan apabila tiba waktu solat supaya terlaksana Syariat dan Syiar Islam.
9. Promoter jualan atau mereka yang terlibat secara lansung dalam jualan hendaklah tidak berpakaian seksi dan mengurangkan sehingga menimbulkan fitnah terhadap diri dan agama. Adalah digalakkan samasekali menutup aurat agar kemuliaan Islam dipelihara.

## **ISLAM DAN HIBURAN**

Islam adalah satu cara hidup yang sangat meraikan dan tidak pernah sekali-kali menyekat naluri fitrah manusia termasuklah berhibur seperti mendengar muzik, bunyi-bunyian dan nyanyian asalkan sahaja hiburan itu tidak menyalahi hukum-hukum Syara'.

## **GARIS PANDUAN MENGADAKAN ACARA KONSERT / PERSEMPAHAN DAN HIBURAN DALAM ISLAM**

1- Hendaklah dipastikan skrip dan lagu tidak mempunyai perkataan dan kiasan yang boleh menjurus ke arah bertentangan dengan aqidah dan menghina Islam seperti mencerca Syariat Allah S.W.T., menghina Rasulullah S.A.W., memperlekehkan para sahabat, meragui hari kiamat dan pembalasan dosa pahala juga tiada unsur memuja atau taksub kepada wanita.

Allah S.W.T. memberi peringatan kepada sesiapa yang meragui **kebenaran hari kiamat** dengan firmannya :

إِنَّ السَّاعَةَ مُتَيَّبَةٌ أَكَادُ أُخْفِيَهَا لِتُجَرَّى كُلُّ نَفْسٍ بِمَا تَسْعَى  
فَلَا يَصُدُّنَّكَ عَنْهَا مَنْ لَا يُؤْمِنُ بِهَا وَأَتَبْعَ هَوَنَهُ فَتَرَدَّى  
﴿١﴾

"Sesungguhnya hari kiamat itu tetap akan datang - yang Aku sengaja sembunyikan masa datangnya - supaya tiap-tiap diri dibalas akan apa yang ia usahakan (15) Maka janganlah engkau dihalangi daripada

mempercayainya oleh orang yang tidak beriman kepadanya serta ia menurut hawa nafsunya; kerana dengan itu engkau akan binasa (16).

( Taaha : 15-16)

2- Suatu persembahan atau konsert yang dijalankan hendaklah tidak berlebih-lebihan sehingga hak-hak Allah dan kewajipan utama yang lain terabai seperti menunaikan ibadah, hak mencari dan memberi nafkah, menuntut ilmu dan sebagainya.

ما من إمرىء مسلم تحضره صلاة مكتوبة فيحسن وضوءها، وخشوعها وركوعها، إلا كانت كفارة لما قبلها من الذنب، مالم تؤت كبيرة، وذلك الدهر كله.

Tidaklah ada diantara orang Muslim jika tiba waktu solat wajib, lalu dia membaguskan wudhuknya, kehusyukannya, dan ruku'nya melainkan solat itu menjadi penebus dosa-dosa sebelumnya, selagi dia tidak mengerjakan dosa besar, dan itu berlaku selamanya.

( HR Muslim)

3- Hendaklah senikata, lagu dan nyanyian yang disampaikan tidak mempunyai unsur maksiat, lagha (sia-sia), meransang keghairahan nafsu dan sebagainya menerusi tema-tema cinta yang melampau, luahan perasaan dan kerinduan yang berlebihan kepada manusia sehingga mendorong pendengar dan remaja kepada melakukan maksiat dan dosa.

Oleh itu nyanyian sebegini hendaklah dijauhi berdasarkan firman Allah seperti berikut :

وَإِذَا سَمِعُوا الْلَّغُوَ أَعْرَضُوا عَنْهُ

Dan apabila mereka mendengar perkataan yang sia-sia (lagha), mereka berpaling daripadanya,

( Al Qasas : 55)

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَى ابْنِ آدَمَ حَظًّا مِنَ الزِّنَا أَدْرَكَ ذَلِكَ لَا مَحَالَةَ. فَزَانَ الْعَيْنَ النَّظَرَ وَزَانَ الْلِسَانَ النُّطُقَ  
وَالنَّفْسُ تَتَمَنِي وَتَشْتَهِي وَالْفَرْجُ يَصْدِقُ ذَلِكَ أَوْ يَكْذِبُهُ.

“Sesungguhnya Allah telah menentukan bahagian seseorang tentang zina yang tidak mustahil didapatinya. Maka zina mata adalah memandang, zina lidah adalah mengucapkan, zina hati adalah mengingini dan faraj (kemaluan) membenarkan atau mendustakannya”.

(HR Bukhari dan Muslim)

4- Hendaklah lagu dan nyanyian yang didendangkan tidak diiringi atau dialunkan dengan instrument muzik dan bunyian yang melampau seperti irama rock keras sehingga penonton dan pendengar mengikut rentak (melompat-lompat, menjerit dan besorak) sehingga merosakkan akhlak dan adab mereka serta mendatangkan fitnah kepada agama bangsa dan diri mereka.

5- Penyanyi, penari, pembuat persembahan dan penonton yang hadir hendaklah menjaga auratnya, tidak melakukan lenggokan gerak badan yang memberahikan ataupun mempersempit nyanyian dengan suara lucu yang menyebabkan fitnah dan rangsangan nafsu kotor dikalangan pendengar / penonton. Sekalipun lagu dan senikata yang disampaikan adalah baik, dalam keadaan ini ianya tetap menjadi haram.

Allah S.W.T. berfirman berkenaan tuntutan menutup aurat :

يَبْنِيَّ إِدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَرِّي سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا

Mathumnya : “Hai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutupi ‘auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan”.

( Al A'raf : 26)

Rasulullah S.A.W. juga memberi amaran kepada wanita yang tidak menutup aurat mereka :

إِنْ مِنْ أَهْلِ النَّارِ نِسَاءٌ كَاسِيَاتٍ عَارِيَاتٍ مُّيَلَّاتٍ لَا يَدْخُلُنَّ الْجَنَّةَ وَلَا يَحِينَ رِيحُهَا

Bermaksud : “Sebahagian dari penghuni neraka ialah perempuan yang memakai pakaian yang menyerupai telanjang, pakaian yang sesat dan menyesatkan. Mereka tidak masuk ke syurga dan tidak mencium baunya.”

(HR Muslim)

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا عَلِمْتَ أُمَّتِي خَمْسَةً حَصْلَةً حَلَّ بِهَا ذَلِكُ الْبَلَاءُ ، ... مِنْهُنَّ ... وَالْتَّحْذِفُ الْقَيْنَاتُ وَالْمَعَافُ ...

Bermaksud : "Apabila umatku melakukan 15 perkara maka mereka layak untuk menerima bala Allah. Antara 15 perkara itu ialah.... orang ramai menjadikan abdi-abdi wanita sebagai penyanyi (penari-penari), alat-alat yang melalaikan (muzik). ..."

(HR Tarmidzi)

6- Hendaklah dipastikan tiada percampuran di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram di satu tempat tanpa sekatan dan had hingga membawa kepada bersentuhan antara lelaki wanita ajnabi(asing), tiada majlis tari-menari, tidak berlakunya acara minum arak, pertaruhan judi, tiada drama dan lakonan-lakonan liar dan seumpamanya.

Rasulullah saw bersabda dalam hal pergaulan lelaki wanita ajnabi ini :

لأن يطعن في رأس أحدكم بمحيط من حديد خير له من أن يمس امرأة لا تحل له

Bermaksud : "Sekiranya ditikam di kepala seseorang kamu dengan sebatang besi adalah lebih baik baginya dari menyentuh kulit wanita yang tidak halal untuk disentuh".

(HR Baihaqi)

7- Penyanyi atau pembuat persembahan tersebut hendaklah dari kalangan lelaki jika penontonya terdiri daripada lelaki dan wanita. Manakala, jika persembahan itu tertutup dan semua yang berkait dengannya adalah wanita maka dibolehkan penyanyi itu dari kalangan wanita. Ini adalah bagi mengelak segala fitnah dan punca kerosakan dari suara wanita dan pergerakan manja wanita yang menggoda. Firman Allah S.W.T. :

فَلَا تَخْضُعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعُ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرْضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Mathumnya : "Maka janganlah kamu wahai wanita berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan). "

(Al Ahzab : 32)

Dan Rasulullah SAW juga bersabda :

عن أبي مالك الأشعري قال، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم لىشرين الناس من امتي الخمر يسمونها بغير اسمها يعزف على رؤوسهم بالمعازف والمعنىات يخسف الله بعم الارض و يجعل منهم القردة والخنازير.

Daripada Abu Malik al-Asy'ari daripada Nabi saw bersabda; Beberapa orang daripada umatku akan meminum arak dan menamakannya dengan bukan nama asalnya dan dialunkan muzik kepada mereka dan dihiburkan oleh penyanyi-penyanyi perempuan. Allah akan membenamkan mereka ke dalam perut bumi dan Allah akan menjadikan mereka kera dan babi.

(HR Ibnu Majah)

## **PERINGATAN**

Syaitan selalunya mengambil peluang dari aktiviti serta hiburan yang melalaikan untuk menyesatkan dan melaghakan manusia. Allah SWT berfirman dalam surah Al Lukman ayat 6 yang bermaksud :

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْتَرِي لَهُوَ الْحَدِيثُ لِيُضِلَّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ بِغَيْرِ  
عِلْمٍ وَيَتَخَذَّلُ هُرْزُواً أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُهِينٌ



“Dan ada di antara manusia: orang yang memilih serta membelanjakan hartanya kepada cerita-cerita dan perkara-perkara hiburan yang melalaikan; yang berakibat menyesatkan (dirinya dan orang ramai) dari agama Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan; dan ada pula orang yang menjadikan agama Allah itu sebagai ejek-ejekan; merekalah orang-orang yang akan beroleh azab yang menghinakan”.

Bertitik-tolak dari itulah, satu garis panduan berkenaan karnival dan hiburan disusun supaya ketelusan berinteraksi dan berjual beli serta kehalusan seni hiburan yang digariskan Islam itu dapat direalitikan.

## **KESIMPULAN**

Industri perniagaan dalam Islam adalah sesuatu yang dibolehkan kerana tuntutan kepada tukaran wang dan barang adalah suatu keperluan. Apatah lagi program jualan menjurus ke arah memartabatkan lagi barang halal serta meningkatkan produktiviti para pengeluar dan peniaga Muslim. Begitu juga hiburan dan nyanyian, ianya diharuskan dalam Islam bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia itu sendiri. Disamping itu, ianya juga boleh menghibur dan memberikan ketenangan kepada jiwa berdasarkan pematuhan kepada adab-adab Islam. Kedua-dua perkara ini menuntut kesedaran yang tinggi dari penganjur karnival, penggalak muzik dan penggiat seni Muslim supaya membentuk industri perniagaan dan hiburan yang tersendiri dan terpisah daripada pengaruh jahat Kuffar. Sebarang percubaan Kuffar untuk menghanyutkan umat Islam ke arah kemaksiatan, kemudharatan dan kefasikan mestilah dihalang menurut acuan dan susur galur Al Quran dan Sunnah Rasul SAW. Para penganjur terutamanya akan bertanggungjawab penuh di hadapan Allah S.W.T. sekiranya sebarang bentuk program yang dianjurkan menyebabkan manusia lebih jauh dari Allah S.W.T.

*“Allah S.W.T.sebaik-baik pemberi taufik”*

12 Jamadil Akhir 1429H  
16 Jun 2008M

**TAN SRI DATO SERI (DR) HJ HARUSSANI BIN HJ ZAKARIA  
MUFTI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**